

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 3/2016**

=====

**GARIS PANDUAN PELUPUSAN TANAH KERAJAAN MELALUI
TENDER TERBUKA**

1. TUJUAN

- 1.1 Arahan ini disediakan sebagai garis panduan kepada semua Pentadbir Tanah Daerah berhubung dengan garis panduan pelupusan tanah Kerajaan melalui tender terbuka dan hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling PTGS bil. 6/2010.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pejabat Tanah dan Galian Selangor telah mengeluarkan Pekeliling PTGS Bil. 6/2010 – Garis Panduan Pelupusan Tanah Kerajaan melalui Kaedah Jualan di Negeri Selangor yang mula dikuatkuasakan pemakaian pada 20 April 2010.
- 2.2 Terdapat dua kaedah jualan yang dinyatakan didalam pekeling tersebut iaitu:-
- i. Pelupusan secara jualan terus; ATAU
 - ii. Pelupusan secara tender

- 2.3 Melalui keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Sumber Alam bil.4/2015 pada 4 September 2015 telah menolak pelupusan secara jualan terus dan memutuskan bahawa pelupusan dibuat secara tender terbuka.
- 2.4 Walau bagaimanapun, melalui keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Sumber Alam bil. 5/2015 bertarikh 16 Disember 2015 telah memutuskan pelupusan secara jualan terus hanya dipertimbangkan bagi perkara-perkara berikut:-
- i. Tanah kerajaan yang tiada jalan masuk bersebelahan dengan tanah milik pemohon; ATAU
 - ii. Tanah yang telah diusahakan oleh pemohon;
 - iii. Harga yang ditawarkan melebihi daripada nilai pasaran yang dinilai oleh JPPH
- 2.5 Namun Pentadbir Tanah perlu mengeluarkan notis makluman untuk hebahan awam berhubung permohonan tersebut dalam tempoh sebulan. Sekiranya terdapat bantahan atau tawaran daripada pemohon lain, Pentadbir tanah perlu mengambil tindakan pelupusan secara tender terbuka.
- 2.6 Seterusnya, Pejabat Tanah dan Galian Selangor telah membentangkan Garis Panduan Pelupusan Tanah

Kerajaan Melalui Tender Terbuka semasa Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Sumber Alam bil. 2/2016 pada 11 Julai 2016 dan mesyuarat telah bersetuju garis panduan ini digunapakai oleh Pejabat Tanah Daerah di Negeri Selangor dan dibaca bersama dengan Pekeliling PTGS Bil. 6/2010.

3. KAEDAH PERLAKSANAAN TENDER TERBUKA

3.1 Tatacara Memproses Permohonan Pelupusan Tanah Secara Tender terbuka

Tatacara perprosesan permohonan pelupusan tanah secara tender seperti di lampiran E (Pekeliling PTGS bil. 6/2010) dan carta aliran lengkap seperti di lampiran A.

3.2 Syarat-syarat Pelaksanaan Tender Terbuka

- i. Kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri telah diperolehi untuk melaksanakan Tender Terbuka
- ii. Pelan Akui (PA) telah diperolehi daripada JUPEM untuk Tanah Kerajaan yang akan dilupuskan melalui kaedah Tender Terbuka
- iii. Nilai pasaran daripada JPPH telah diperolehi untuk dijadikan sebagai harga rizab

- iv. Melantik Jawatankuasa Pembuka Tender
- v. Menyediakan dokumen tender terbuka

3.3 Dokumen tender terbuka seperti berikut:-

- i. Borang permohonan tender terbuka seperti di Lampiran B;
- ii. Iklan Pelupusan Tanah melalui Kaedah tender terbuka seperti di Lampiran C;
- iii. Surat setuju terima seperti di Lampiran D;
- iv. Jadual Tender Terbuka (untuk disediakan oleh Jawatankuasa Pembuka Tender) seperti di Lampiran E;
- v. Jadual Tender Terbuka (untuk dipamer di Papan Kenyataan) seperti di Lampiran F;

3.4 Pembukaan Tawaran Tender Terbuka

3.4.1 Keahlian Jawatankuasa Pembuka Tender

- i. Jawatankuasa Pembuka tender hendaklah dianggotai oleh dua orang pegawai, dimana seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan

Profesional atau setaraf. Sekiranya Bahagian/Unit berkenaan kekurangan pegawai, pelantikan boleh dibuat di kalangan pegawai daripada Bahagian/Unit lain dalam jabatan tersebut.

- ii. Pelantikan ahli Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah dibuat secara bertulis oleh Ketua Jabatan/ Bahagian yang menguruskan Tender

3.4.2 Tugas Jawatankuasa Pembuka Tender

Jawatankuasa Pembuka tawaran tender hendaklah memastikan perkara-perkara yang dinyatakan dibawah dilaksanakan dengan sempurna:-

- i. Peti tawaran dibuka secepat mungkin selepas tender ditutup.
- ii. Setiap tawaran tender yang diterima, dibuka dan disemak nombor siri dengan rekod penjualan dokumen.
- iii. Nombor kod hendaklah diberi untuk setiap dokumen dan senarai harga serta dokumen lampiran ditandatangani ringkas.

- iv. Lembaran yang menyatakan harga dan apa-apa pindaan yang terdapat dalam tawaran tender hendaklah ditandatangani ringkas.
- v. Dokumen tawaran harga dijudualkan dengan menggunakan nombor kod yang diberikan.
- vi. Menyedia dan melengkapkan senarai semak dan borang jadual tender dengan mencatatkan nama petender, kod petender, dan amaun yang ditender. Nama dan jawatan semua ahli Pembuka tender hendaklah dicatatkan dalam borang jadual tender dan ditandatangani oleh setiap ahli. Rujuk Lampiran E untuk Jadual Harga tender.
- vii. Menyediakan Jadual Harga Tender untuk dipamerkan di papan kenyataan Agensi seberapa segera yang boleh tanpa menzahirkan nama petender yang mengambil bahagian seperti di Lampiran F.

3.4.3 Urusetia Tender

Urusetia Tender bertanggung jawab menguruskan semua urusan tender dari mula sehingga proses

tender selesai. Sebagai panduan, antara tugas-tugas urusetia adalah seperti berikut:-

- i. Menguruskan perancangan awal dan jadual pelaksanaan tender;
- ii. Mengurus dan menyediakan dokumen tender;
- iii. Menguruskan iklan atau pelawaan tender;
- iv. Menyediakan rekod penjualan dokumen tawaran dan mengatur lawatan tapak/premis (jika berkenaan);
- v. Menutup peti tender pada tarikh dan masa tutup yang ditetapkan;
- vi. Menjaga keselamatan peti tender pada tarikh dan masa tutup yang ditetapkan;
- vii. Menjaga keselamatan peti tender dan dokumen tender;
- viii. Mengatur pembukaan tender;
- ix. Mengatur penilaian tender;

- x. Menyediakan Kertas Ringkasan untuk pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Tender Kerajaan.

3.5 Merahsiakan maklumat dan kedudukan sesuatu tender

- i. Dokumen tender, tawaran tender dan penilaian tender hendaklah diklasifikasikan sebagai SULIT dan tidak boleh disebarikan kepada mana-mana pihak yang tidak terlibat dengan pengurusan tender sebelum keputusan muktamad dibuat.
- ii. Pentadbir Tanah adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan tentang keperluan merahsiakan maklumat dan kedudukan sesuatu tender kepada pegawai yang berkenaan dibawah arahan pentadbirannya. Rujukan hendaklah dibuat kepada peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) dan Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575). Tindakan boleh dikenakan terhadap mana-mana pegawai yang melanggar peruntukan dalam Akta-akta tersebut.

3.6 Perakuan Tender

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Tender Kerajaan akan memperakukan tawaran petender. Perakuan hendaklah berdasarkan tawaran yang terbaik dari segi harga dan mengambil kira pandangan jabatan-jabatan teknikal. Perakuan tersebut juga hendaklah menyatakan dengan khusus tawaran petender yang dicadangkan untuk dipertimbangkan.

- ii. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. (MMKN) akan mengesahkan nama petender yang berjaya dan keputusan muktamad tersebut akan dipamerkan di papan kenyataan/laman web Jabatan dengan menyatakan nama syarikat yang berjaya dan harga tawaran, selepas surat setuju terima dikeluarkan, ditandatangani dan dikembalikan.


3.7 Surat Setuju Terima Tender

- i. Surat setuju terima tender ialah surat yang mengesahkan penerimaan sesuatu tawaran berdasarkan kepada syarat yang telah ditetapkan dalam dokumen tender. Surat setuju terima ialah satu dokumen perundangan yang sah dan merupakan sebahagian daripada perjanjian kontrak.

- ii. Surat setuju terima hendaklah dikeluarkan kepada petender yang berjaya secepat mungkin sebaik disahkan oleh MMKN. Petender yang berjaya perlu menandatangani surat setuju terima dan mengembalikan kepada Pejabat Tanah yang mengeluarkan dalam tempoh 1 bulan dari tarikh penerimaan. Seterusnya bayaran Notis Borang 5A perlu dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis dan kegagalan menjelaskan bayaran akan menyebabkan perjanjian terbatal dan kelulusan pemberimilikan menjadi luput.

4. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

- 4.1 Pelaksanaan arahan ini berkuat kuasa serta merta.
- 4.2 Semua Pentadbir Tanah dikehendaki mematuhi semua Arahan dan Dasar Kerajaan Negeri berhubung pelaksanaan kaedah Tendar Terbuka serta semua peraturan kewangan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.



(AHMAD SUIDI BIN ABDUL RAHIM)


Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Selangor Darul Ehsan.


Tarikh: / September 2016

LAMPIRAN A

CARTA ALIRAN PROSES KERJA PELAKSANAAN TENDER TERBUKA







Jumlah 431 hari = >12 bulan
 Walau bagaimanapun tempoh proses bergantung kepada:-

- penerimaan Pelan PA
- tarikh tetapan mesyuarat
- tempoh masa bayaran Borang 5A

LAMPIRAN B

PB NO. TENDER/TAHUN



PEJABAT TANAH DAN DAERAH.....

(alamat PEJABAT TANAH DAERAH)

DOKUMEN TENDER

TAWARAN PELUPUSAN TANAH
KERAJAAN SELUAS EKAR
(.....METERPERSEGI) DI MUKIM/ PEKAN/
BANDAR, DAERAH, NEGERI
SELANGOR SECARA TENDER TERBUKA
BAGI TUJUAN.....

BORANG INI PERLU DIBAYAR DENGAN HARGA RM50

**TAWARAN PELUPUSAN TANAH KERAJAAN SELUAS EKAR (..... HEKTAR) DI MUKIM/
PEKAN/ BANDAR....., DAERAH, SELANGOR SECARA TENDER TERBUKA**

TAWARAN TUTUP PADAJAM 12.00 TENGAHARI

TAWARAN DIKELUARKAN KEPADA :
(NAMA DAN ALAMAT PENENDER)

.....
.....

DIKELUARKAN PADA :/...../2020

Tender adalah dipelawa dari syarikat yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

BIL	KETERANGAN ASET	KELUASAN (EKAR/ METER PERSEGI)	HARGA PASARAN (RM)
1.	TANAH DAN ASET KERAJAAN Mukim/ Pekan/ Bandar....., Daerah, Selangor Darul Ehsan		RM0.00 SMP

Lawatan tapak dibuat pada/..... /2020 di antara jam hinggadi atas tanah seluas ... ekar (..... hektar), Mukim/ Pekan/ Bandar, Daerah Selangor Darul Ehsan.

Dokumen Tender hendaklah dialamatkan kepada :

**PENGARAH
PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI Selangor
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40576 SHAH ALAM.**

A. SYARAT-SYARAT TENDER

1. Terbuka kepada semua syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016 dan individu. Setiap syarikat atau individu hanya layak membeli satu dokumen tender sahaja.
2. Dokumen yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dilakri dan ditulis pada bahagian atas penjurong kiri **“TAWARAN TENDER TANAH DAN ASET KERAJAAN, SELUAS EKAR (..... METER PERSEGI), DI PT MUKIM/ PEKAN/ BANDAR....., DAERAH SELANGOR DARUL EHSAN “** dan **NOMBOR TENDER/.....** dan dimasukkan dalam peti tender di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor.
3. Dokumen Tender **YANG DIHANTAR MELALUI POS ATAU SELEPAS TARIKH DAN MASA YANG DITETAPKAN TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**
4. Petender adalah dianggap telah melawat tapak yang dimaksudkan sebelum mengemukakan dokumen tender dan telah faham serta mendapat segala butir yang dikehendaki dan mengetahui kedudukan harta yang ditawarkan. Sebarang bantahan mengenainya kemudian hari tidak akan dilayan.
5. Tanah dijual sebagaimana keadaannya sedia ada (*as is where is basis*).
6. Selepas proses jual beli disempurnakan, Kerajaan Negeri Selangor tidak lagi bertanggungjawab ke atas tanah yang telah dijual.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian tanah hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
8. Petender yang berjaya hendaklah menandatangani surat setuju terima dalam tempoh 30 hari dari tarikh tawaran oleh Kerajaan Negeri Selangor. Tawaran ini akan terbatal jika pihak tuan gagal menandatangani surat setuju terima dalam tempoh tersebut.
9. Pelupusan Tanah Kerajaan melalui Kaedah Tender Terbuka adalah tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN).
10. Kerajaan Negeri Selangor tidak bertanggungjawab di atas kelewatan penerimaan dokumen tender dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang tertinggi atau mana-mana tawaran yang dikemukakan.

11. Perakuan

SAYA / KAMI dengan ini :

- a) Mengaku dan mengesahkan bahawa segala butir yang dinyatakan dalam dokumen tender ini adalah benar.
- b) Bersetuju dengan syarat-syarat tender seperti di perenggan A.
- c) Permohonan individu :
 - i) Salinan Kad Pengenalan; **dan**
 - ii) Salinan penyata bank bagi tiga (3) bulan terkini atas nama pemohon.
- d) Permohonan Syarikat :
 - i) Dilampirkan salinan "Memorandum & Article Of Association", Borang 24 dan Borang 49 yang telah disahkan oleh setiausaha syarikat atau peguam; **atau**
Salinan Carian SSM (Dokumen mengikut Akta Syarikat 2016)
 - ii) Dilampirkan laporan kewangan beraudit dan akuan pengurusan semasa untuk tiga (3) tahun terkini; **dan**
 - iii) Salinan penyata bank bagi tiga (3) bulan terkini atas nama syarikat.

.....
Tandatangan Petender

(NAMA :)

(NO. K/P ;)

(JAWATAN :)

(TARIKH :)

.....
Cop Syarikat
(jika perlu)

B. BUTIR-BUTIR HARTANAH DAN ASET TENDER YANG DITAWARKAN

1. TANAH

- i) Jenis Hakmilik : Hakmilik Pejabat Tanah/
Hakmilik Pejabat Pendaftar
- ii) Jenis Suratmilik : Pajakan Mukim/ Pajakan Negeri
- iii) Tempoh : Tidak Melebihi 99 Tahun
- iv) Luas : Ekar (.....Meter Persegi)
- v) Cukai Tahunan : Mengikut Kaedah Tanah Selangor
(pindaan) 2005
- vi) Bayaran Ukur dan Lain-lain : Kadar Yang Ditetapkan
- vii) Kategori Tanah : Bangunan / Industri
- viii) Syarat Nyata Tanah : Bangunan Perniagaan/ Industri Ringan/
Industri Sederhana/ Industri Berat
- ix) Sekatan-sekatan Kepentingan : Tanah Ini Tidak Boleh Dipindahmilik,
Dipajak Atau Digadai melainkan Setelah Mendapat Kebenaran Pihak Berkuasa Negeri
- x) Kedudukan dan Kemudahan : Dihubungkan Dari Melalui Jalan
Sedia Ada Kemudian Masuk Ke
Melalui

C. HARGA PASARAN

TANAH KERAJAAN (NO HAKMILIK – JIKA ADA)

[RM..... – HARGA DARIPADA JABATAN PERKHIDMATAN DAN PENILAIAN HARTA (JPPH)]

RINGGIT MALAYSIA : (DALAM PERKATAAN)

D. HARGA YANG SAYA / KAMI TAWARKAN

RM
(Ringgit Malaysia : Dalam Perkataan)

E. BUTIR-BUTIR PEMOHON

1. BAGI SYARIKAT

i) Maklumat Syarikat :-

- a) Nama Syarikat :
- b) No. Pendaftaran Syarikat :
- c) Tarikh Didaftarkan :
- d) Alamat Tetap Syarikat :
- e) No. Telefon, Faksimili Syarikat : Tel :
Faks :
E-mail :

ii) Maklumat Perniagaan Yang Dijalankan Oleh Syarikat :-

- a) Jenis Perniagaan Sekarang :
- b) Tempat Perniagaan Sekarang :
- c) Milik Sendiri / Syarikat / Sewa / Pajak :
- d) Bangunan : Nama Pemilik :
- Alamat :
- e) Perniagaan - Alamat Berdaftar :

- Alamat Tempat
Perniagaan :

f) Jenis Perniagaan Lain :

iii) Modal Syarikat :-

a) Jumlah Modal yang dibenarkan
(Authorized Capital) : Nilai Seunit RM

: Nilai Keseluruhan RM

b) Jumlah Modal Berbayar
(Paid up Capital) : RM

c) Akaun Syarikat : NAMA BANK

d) Punca Kewangan untuk
Bayaran Pembelian * : Pinjaman Bank / Wang
Dalaman

iv) Butir-butir Pemilikan harta

a)

b)

c)

d)

v) Cadangan Perniagaan/Industri dan Aktiviti Sekiranya Berjaya

a) Jenis Perniagaan/Industri yang dilaksanakan :

b) Jenis Aktiviti yang dilaksanakan :

NAMA AHLI PENGARAH

BIL	NAMA	BANGSA	NO.K/P	ALAMAT
1				
2				
3				
4				
5				

NAMA PEMEGANG SAHAM

BIL	NAMA	BANGSA	JUMLAH PEGANGAN	% PERATUS
1				
2				
3				
4				
5				

JUMLAH SAHAM SYARIKAT TERBAYAR :

2. BAGI INDIVIDU

i) Maklumat Peribadi

- a) Nama :
- b) No. K/Pengenalan :
- c) Tarikh Lahir :
- d) Alamat Tetap :
- e) Alamat surat-Menyurat :
- f) Pekerjaan :
- g) Alamat Tempat Kerja :
- h) Pendapatan : RM.....
- i) Tanggungan :
- j) Lama Di Dalam Daerah Selangor
- k) No. Telefon, Faksimili : Tel :
- Faks :
- E-mail :

ii) Cadangan Perniagaan/ Industri dan Aktiviti Sekiranya Berjaya

a) Jenis Perniagaan/Industri yang akan dilaksanakan :

.....

b) Jenis Aktiviti yang akan dilaksanakan :

.....

LAMPIRAN A

~ SALINAN HAKMILIK ~

LAMPIRAN B

~ PELAN KUNCI ~

LAMPIRAN C

~ PELAN LOKASI~

LAMPIRAN C



PEJABAT DAERAH DAN TANAH

KENYATAAN PERMOHONAN PELUPUSAN TANAH KERAJAAN SECARATENDER TERBUKA

**TAWARAN PERMOHONAN PELUPUSAN TANAH KERAJAAN SECARA TENDER TERBUKA KE ATAS
TANAH SELUAS LEBIH KURANG METER PERSEGI (..... EKAR) DI,
MUKIM / PEKAN / BANDAR, DAERAH**

TANAH UNTUK PEMBERIMILIKAN

Tawaran ini adalah terbuka kepada Individu dan Syarikat yang boleh dilupuskan tanah seperti yang dijelaskan di bawah Seksyen 43 Kanun Tanah Negara.

Perihal tanah adalah seperti berikut :-

1. Lokasi Tanah : PT/Lot, Mukim / Pekan / Bandar, Daerah
2. Pelan Tapak : Pelan Pra hitungan / Pelan Akui seperti dilampirkan
3. Harga Pasaran : RM..... / meter persegi
4. Butiran Tanah :
 - a) Luas : Lebih kurang meter persegi (..... ekar)
 - b) Kategori : Bangunan/Perindustrian
 - c) Syarat Nyata : Kediaman/Perniagaan/Industri
 - d) Dasar / Polisi Kerajaan Negeri yang perlu dipatuhi bagi sebarang cadangan pembangunan:
 - i. Pelupusan Tanah Kerajaan yang dilaksanakan secara tender ini adalah tertakluk kepada Pekeliling Pejabat Tanah dan Galian Selangor Bil.6/2010 dan Arahan Pejabat Tanah dan Galian Selangor Bil.3/2016; dan
 - ii. Pelan Kebenaran Merancang yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan
5. Petender yang berjaya adalah dikehendaki menandatangani 10% daripada harga tawaran dalam bentuk bank deraf atas nama Bendahari Negeri Selangor semasa mengembalikan Surat Setuju Terima (Lampiran D) dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan. Baki 90% harga tawaran dan lain-lain bayaran yang disyaratkan hendaklah/perlu dibayar dalam tempoh Notis Borang 5A. Sekiranya baki bayaran 90% tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan, bayaran deposit 10% akan dimasukkan sebagai hasil Negeri.

Bagi yang berminat, sila dapatkan borang permohonan dengan harga RM..... daripada Pejabat Daerah dan Tanah dengan mengemukakan harga yang hendak ditawarkan.

Sila kemukakan permohonan kepada:

**PENGARAH
PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
TINGKAT 4, BANGUNAN SSAAS
40503 SHAH ALAM**

TARIKH TUTUP: (pada atau sebelum jam 12.00 tengahari - Satu (1) bulan daripada tarikh kenyataan ini disiarkan.

.....
**(PENTADBIR TANAH)
PEJABAT DAERAH TANAH**

Tarikh :

LAMPIRAN D

**SURAT SETUJU TERIMA
(PELUPUSAN TANAH KERAJAAN SECARA TENDER TERBUKA)**

Rujukan :

Pejabat :

Tarikh :

Kepada:

.....

(Penender)

Tuan,

**PELUPUSAN TANAH KERAJAAN SECARA TENDER TERBUKA KE ATAS TANAH
 SELUAS DI LOT
 MUKIM/PEKAN/BANDAR..... DAERAH**

Merujuk kepada tender tuan untuk Pelupusan Tanah Kerajaan Secara Tender Terbuka yang tersebut di atas, Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke bertarikh dengan sukacitanya memberitahu bahawa Kerajaan telah bersetuju menerima tender tuan.

2. Dengan penerimaan tender tuan oleh Kerajaan, bermaksud Kerajaan Negeri melupuskan tanah kerajaan kepada tuan melalui pemberimilikan dibawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara mengikut syarat-syarat berikut:-

- i. Jenis Hakmilik : Hakmilik Pejabat Tanah/Hakmilik Pendaftar
- ii. Jenis Suratmilik : Pajakan Mukim/Pajakan Negeri
- iii. Tempoh : Pajakan 99 tahun
- iv. Luas : Mengikut Pelan Akui (PA) / Pelan Pra-Hitungan
- v. Premium : Harga tawaran tender

- vi. Cukai Tahunan : Mengikut Kaedah-kaedah Tanah Selangor 2003 (Pindaan 2005)
- vii. Bayaran Ukur dan Lain-lain : Kadar yang ditetapkan
- viii. Kategori Tanah : Bangunan/Industri
- ix. Syarat Nyata : Bangunan Kediaman/Perniagaan/Industri Ringan/Industri Sederhana/Industri Berat
- x. Sekatan Kepentingan : Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai melainkan setelah mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri.
- xi. Bangunan/Industri yang dibina tertakluk kepada keperluan piawaian Pihak Berkuasa Perancang;

3. Pihak Tuan perlu menyediakan bayaran deposit 10% dari jumlah harga tawaran dalam bentuk Bank Draft atas nama Bendahari Negeri Selangor. Bank Draft perlu dikemukakan bersama surat setuju terima.

4. Baki 90% bayaran premium dan lain-lain bayaran yang disyaratkan perlu dijelaskan dalam tempoh notis Borang 5A. Kegagalan dalam menjelaskan baki bayaran dalam tempoh masa yang dinyatakan, akan menyebabkan kelulusan ini terbatal dengan sendirinya tanpa apa-apa makluman bertulis kepada tuan dan deposit 10% yang telah dijelaskan akan dimasukkan sebagai Hasil Negeri.

5. Surat ini dihantar kepada tuan dalam dua salinan. Sila kembalikan salinan asal setelah ditandatangani dan disaksikan dengan sempurna, di ruang yang berkenaan kepada pejabat ini dalam tempoh 30 hari dari tarikh terimaan surat ini dan satu salinan untuk simpanan tuan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

.....
(Tandatangan Pegawai)

Nama Penuh :
Jawatan :

Dengan ini yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan surat tersebut di atas, salinannya yang mana telah pun disimpan dan mengesahkan bahawa *tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung dalam Jadual Dokumen Tender telah dikenakan dengan keluaran surat tersebut/kandungan para 2 di atas adalah merupakan keseluruhan tender yang bertandatangan di bawah ini.

.....
Tandatangan Penerima
Nama Penuh :.....
No Kad Pengenalan:.....
Alamat:.....
.....
.....
.....

.....
Tandatangan Saksi
Nama Penuh:.....
No. Kad Pengenalan:.....
Alamat:.....
.....
.....
.....

Meteri atau cop Syarikat

Tarikh : Tarikh :

*potong/ubahsuai/tambah di mana perlu.

LAMPIRAN E

JADUAL TENDER PELUPUSAN TANAH KERAJAAN
 (Untuk Disediakan Oleh Jawatankuasa Pembuka Tender)

Tajuk Tender :

Tarikh Tender Ditutup: Jam :.....

Harga Pasaran JPPH:

Bil.	Nama Petender	Kod Petender	Harga Tawaran	Dokumen lengkap/ tidak lengkap	Ulasan

Sebanyak () tender yang telah diterima dan dibuka pada jam seperti terjadual di atas.

.....
 (Pengerusi)

.....
 (Ahli)

.....
 (Ahli)

Tarikh :

LAMPIRAN F

JADUAL TENDER PELUPUSAN TANAH KERAJAAN
(untuk dipamer di papan kenyataan)

Tajuk :

No. Tender :

Bil.	Kod Petender	Harga

Sebanyak () tender yang telah diterima dan dibuka pada jam seperti terjadual di atas.

Nota : Harga-harga tawaran di atas adalah harga yang tercatat dalam dokumen tender yang diterima. Kerajaan adalah tidak terikat menerima tender tertinggi atau mana-mana tender.

.....
(Pengerusi)

.....
(Ahli)

.....
(Ahli)

Tarikh :

